



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/07/08\_47 (HQ)

### TNB RINGANKAN BEBAN MANGSA BANJIR DI BALING

Ujian dihadapi lebih 100 keluarga yang menjadi mangsa bencana banjir dan kepala air di Baling, Kedah mendapat perhatian **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** apabila syarikat utiliti itu tampil menghulurkan sumbangan bantuan berbentuk bakul bantuan makanan dan wang tunai.

Sebahagian sumbangan mula diagihkan semalam (7 Julai 2022) oleh Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan kepada mangsa banjir di tiga Pusat Pemindahan Sementara (PPS) iaitu di PPS Surau An-Nur Taman Mesra, PPS Sekolah Menengah Agama Yayasan Al-Khairiyah dan PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Jerai.

Penyerahan bakul bantuan makanan dan wang tunai yang diselenggarakan Pejabat Daerah Baling itu, sedikit sebanyak memberi keceriaan kepada mangsa-mangsa yang akan menyambut Hari Raya Aidiladha beberapa hari sahaja lagi.

Bantuan berkenaan adalah daripada kutipan Tabung Warga TNB Prihatin (TWTP), yang dikumpulkan dari potongan gaji warga kerja TNB bagi membantu meringankan beban rakyat terutamanya golongan B40.

Takiyuddin yang meluangkan kira-kira lima jam di ketiga-tiga buah PPS itu turut melawat pemasangan TNB yang terjejas berikutan kejadian banjir tersebut.

Beliau memuji tindakan pantas warga kerja TNB memulihkan bekalan yang terpaksa dihenti sementara ketika banjir berlaku. Takiyuddin juga menghargai bantuan yang dihulurkan warga kerja TNB kepada mangsa-mangsa banjir.

Dalam kejadian bermula petang 4 Julai 2022 tersebut, 22 pemasangan TNB termasuk pencawang elektrik terpaksa dihenti tugas sementara bagi mengelakkan kejadian renjatan elektrik dan memastikan keselamatan orang ramai terjamin.

Tindakan segera TNB telah berjaya menyambungkan semula bekalan secara berperingkat dengan kesemua 22 pemasangan elektrik yang terjejas telah dipulihkan sepenuhnya jam 6.48 petang hari berikutnya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Julai 2022, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Asma' Razak 013-2505433*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan (tengah) menyerahkan bakul bantuan makanan kepada seorang daripada mangsa bencana banjir dan kepala air di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Jerai sambil diperhatikan Head State Stakeholder Affairs (Pulau Pinang/Kedah/Perlis) TNB, Johari Lamsi (dua, kanan).